



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

23 Ramadhan 1441 / 17 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 23 Ramadhan 1441H bersamaan 17 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 136 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **4 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala

seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **101 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,578 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 329 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 17,221 ujian.
5. Seterusnya, berikutan makluman mengenai aplikasi ***Bruhealth App*** baru-baru ini, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 119,477 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna applikasi tersebut. Di samping itu juga, sejumlah 1,492 syarikat dan premis telah mendaftar kepada applikasi tersebut.
6. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada semua restoran-restoran dan premis-premis berkenaan yang mempunyai tempat duduk bagi *dine-in* untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan tidak menerima pelanggan melebihi daripada 30% kapasiti yang lazimnya serta untuk memastikan

pelanggan mempunyai warna kod yang betul iaitu hijau atau kuning sebelum memasuki premis masing-masing. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga menggalakkan bagi premis-premis perniagaan untuk mendapatkan *QR code* dan memaparkannya di pintu masuk premis atau kaunter pembayaran masing-masing bagi membolehkan orang ramai yang mengunjungi premis berkenaan mengimbas kod sebelum masuk dan keluar. Dengan adanya prosedur sedemikian, ini akan memudahkan Kementerian Kesihatan untuk membuat *contact tracing* sekiranya ada penularan jangkitan berlaku.

7. Walaupun kita sudah memulakan pengurangan langkah-langkah sekatan, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing iaitu tidak berkumpul atau mengadakan perkumpulan ramai, mengamalkan penjarakan fizikal serta hanya keluar rumah jika perlu terutamanya bagi mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas dan anak-anak damit, dan mengamalkan kebersihan tangan serta etika batuk dan bersin yang betul. Ini adalah bagi mengelakkan kemungkinan penularan jangkitan dan juga untuk membolehkan kita meneruskan pengurangan langkah-langkah sekatan pada fasa-fasa seterusnya pada masa akan datang.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung
Ramadhan ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa
Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit
terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan
Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa
terlindung dari wabak COVID-19.
Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Ramadhan 1441H / 17 Mei 2020